

Singapura ke arah 'Negara Bijak'

Singapura sedang berusaha menuju ke arah membina sebuah 'Negara Bijak'. Visi ini membawa bersama sebuah masyarakat negara yang mempunyai pelbagai keupayaan, universiti bertaraf dunia, syarikat-syarikat swasta besar serta komitmen daripada pemerintah bagi membuat pelaburan pada sektor R&D selain mengeluarkan modal berisiko tinggi untuk menangani cabaran sukar lagi kritikal sebagai sebuah bandar bertaraf antarabangsa.

Singapura sekali gus akan menjadi 'makmal hidup' dengan para usahawan seluruh dunia akan dijemput untuk membuat kajian, menguji dan membuat penyelesaian baru yang akan membawa kepada kehidupan berkualiti serta membuka peluang untuk warga global. Wartawan grafik, **Mohd Samad Afandie**, dan **Fakhruradzi Ismail** mengupas keupayaan Singapura ketika ini.

Terdapat **150,200** karyawan komunikasi maklumat (infokom)

98% perkhidmatan awam sedia ada dalam talian (online)

8,800 talian penghantaran data dikeluarkan daripada data.gov.sg dan OneMap

WiFiTM

Wireless@SG akan digandakan daripada **10,000** pada 2015 kepada **20,000** pada 2016

97% keluarga yang mempunyai anak yang bersekolah memiliki komputer

4G digunakan serata negara sejak 2013

36 perkhidmatan penjagaan kesihatan termasuk hospital, klinik pakar dan poliklinik telah menggunakan sistem perkongsian rekod kesihatan melalui elektronik

\$8 juta Inclusion Fund diperuntukkan bagi membantu 6,000 rumah golongan pendapatan rendah dan individu mendapat memasuki Internet

550,000 rumah mempunyai rangkaian fibre

120,000 alat tablet telah diberi kepada **351** sekolah pada 2012

88% rumah memperoleh Internet

87% penduduk dapat masuk ke Jalur frekuensi saluran penghantaran laju (broadband)

\$500 juta diperuntukkan bagi menggalakkan pengambilan Infocomm Competency Training (ICT) oleh SME
Sekolah-sekolah sudah mengorak langkah bagi pembelajaran ICT